

TPM rasmi Kursi Kepemimpinan Islam USIM esok

Seremban: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan merasmikan Kursi Kepemimpinan Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, esok.

Penolong Pendaftar USIM, Mohd Zaini Othman berkata, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, dilantik menjadi pengerasi kursi yang ditubuhkan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen itu.

Katanya, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, dilantik sebagai penyandang pertama kursi berkenaan mulai Ogos lalu.

Sejarah kepada warga USIM

"Majlis ini penting dan akan menjadi sejarah kepada warga USIM, kerana ini adalah lawatan rasmi pertama Timbalan Perdana Menteri ke universiti ini.

"Kursi ini ditempatkan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, dengan dana permulaan sebanyak RM500,000 untuk tempoh setahun," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mohd Zaini berkata, kursi itu dinamakan atas nama bapa Muhyiddin, Mohd Yassin Muhammad sebagai tanda penghargaan terhadap ketokohan Allahyarham ketika hayatnya yang progresif, proaktif serta memiliki jati diri.

Selain itu katanya, ketika hayat, Allahyarham sentiasa memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di negara ini khususnya dalam bidang pendidikan dan pentadbiran.

Perlu wujud kursi akademik

"Idea penubuhan kursi ini dicadangkan oleh Lembaga Eksekutif Akademik Yayasan Nurul Yaqeen yang memikirkan mengenai per-

lunya diwujudkan sebuah kursi akademik di universiti awam tempatan," katanya.

Beliau berkata, selain melancarkan kursi itu, Muhyiddin akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara USIM dan Yayasan Nurul Yaqeen, serta mendengar syarahan oleh Dzulkifli bertajuk 'Memupuk Insan Seimbang: Cabaran Kepemimpinan'.